

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR. AZIZ BIN ABDULLAH

KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

ANTARA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) DENGAN

UNIVERSITI TUN HUSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

PADA

8 OGOS 2019

BISMILLAHHIRAHMAANIRRAHIM,

Y.BHG. PROF. TS. DR. WAHID BIN RAZZALY

NAIB CANSELOR UNIVERSITI TUN HUSEIN ONN MALAYSIA

Y.BHG. PROFESOR MADYA TS. DR. ABD. HALID BIN ABDULLAH,

DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN & ALAM SEKITAR, UTHM

TIMBALAN-TIMBALAN DEKAN, KETUA-KETUA JABATAN, SERTA
PENGURUSAN FAKULTI.

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

HADIRIN SEKALIAN,

1. SEBAGAIMANA YANG SEDIA MAKLUM, LEMBAGA LEBUHRAYA
MALAYSIA KOMITED UNTUK MEMASTIKAN PERANCANGAN,
PEMBINAAN, OPERASI, PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAAN
LEBUH RAYA DILAKSANAKAN MENGIKUT PIAWAIAN
ANTARABANGSA.

2. SALAH SATU KAEDAH YANG TELAH DIKENALPASTI IALAH
MELALUI BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG MAMPU
MENGHASILKAN PENAMBAHBAIKAN, PERKONGSIAN SERTA

PERMINDAHAN TEKNOLOGI TERHADAP AMALAN SEDIADA MELALUI PERJANJIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN AGENSI-AGENCI LAIN.

3. SECARA DASARNYA, SETAKAT INI LLM TELAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN LIMA (5) UNIVERSITI IAITU UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP).

4. SETIAP UNIVERSITI MEMPUNYAI BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING DI DALAM MELAKSANAKAN KAJIAN YANG MELIBATKAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA BERTOL.

5. ANTARA PENYELIDIKAN YANG TELAH DIJALANKAN ADALAH BERKAITAN *PAVEMENT* IAITU *DEVELOPMENT OF AXLE LOAD SPECTRA TO ENHANCE PAVEMENT DESIGN & PERFORMANCE FOR MALAYSIAN EXPRESSWAY* BERSAMA UPM, MENGHASILKAN *MANUAL GREEN HIGHWAY INDEKS* BERSAMA UTM, KAJIAN BERKAITAN TRAFIK IAITU *MISCROSCOPIC SIMULATION ON THE BEHAVIOR OF VEHICLES AT TOLL PLAZAS IN MALAYSIA* BERSAMA USM DAN

TERDAPAT BEBERAPA LAGI KAJIAN YANG SEDANG BERJALAN DENGAN UKM DAN UTM.

6. OLEH YANG DEMIKIAN, LLM BERTASRAT UNTUK MENJALIN KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI LAIN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PIHAK UNIVERSITI MENYUMBANG KEPAKARAN KEPADA KEMAJUAN INDUSTRI LEBUHRAYA MALAYSIA. KEPAKARAN YANG DIPERLUKAN BUKAN SAHAJA DALAM BENTUK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TETAPI JUGA DALAM BENTUK KERJASAMA AKTIVITI SEPERTI KEMPEN DAN PROMOSI.

7. UNTUK MAKLUMAN, LLM JUGA PERNAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN AGENSI LAIN SEPERTI KOREA HIGHWAY CORPORATION DAN MIMOS BERHAD SERTA MOA DENGAN MIROS BAGI KERJASAMA MELALUI PERKONGSIAN KEPAKARAN DAN TEKNOLOGI.

8. PADA HARI INI KITA AKAN MENYAKSIKAN SATU LAGI MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA LLM DAN UTHM.

HADIRIN SEKALIAN,

9. TUJUAN MOU ANTARA LLM DAN UTHM PADA HARI INI DITANDATANGANI ADALAH SEBAGAI INISIATIF MURNI DALAM MENGUKUHKAN HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA LLM DAN UTHM UNTUK MELAKSANAKAN KAJIAN, LATIHAN DAN PEMBANGUNAN LEBUH RAYA DI MALAYSIA. SECARA TIDAK LANGUNG INISIATIF INI AKAN MEMBAWA IMPAK POSITIF KEPADA PENINGKATAN KUALITI DAN TAHAP PERKHIDMATAN INDUSTRI LEBUH RAYA DI MALAYSIA KE TARAF DUNIA.

10. SELAIN ITU, SYARIKAT SWASTA KEBIASAANNYA DILIHAT LEBIH INOVATIF DI DALAM MEMPROMOSIKAN PERKHIDMATAN YANG MEMPUNYAI NILAI KOMERSIL OLEH ITU, LLM JUGA TIDAK MAHU KETINGGALAN DALAM PERKARA INI SELARAS DENGAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0.

11. KUASA DATA KETIKA INI DILIHAT DAPAT DIAPLIKASI DAN DIMANIPULASI BAGI MENJANA OUTPUT YANG BOLEH MEMBANTU MERAMAL DAN MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM PELAKSANAAN SESUATU PERKARA DENGAN LEBIH CEPAT.

12. DATA ANALITIK INI JIKA DIGABUNGGKAN DENGAN PENGGUNAAN CIPTAAN TEKNOLOGI ROBOTIK AKAN DAPAT MEMUDAHKAN LAGI PELAKSANAAN SESUATU TUGASAN DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG SELAMAT DAN SELESA KEPADA PENGGUNA LEBUHRAYA.

13. HASIL DARIPADA PENEMUAN TEKNOLOGI DAN INOVASI TERSEBUT PERLU DIAPLIKASIKAN DAN DIKOMERSILKAN UNTUK TUJUAN PERKEMBANGAN SETERUSNYA DAN MENINGKATKAN KADAR PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR. OLEH YANG DEMIKIAN, SECARA TIDAK LANGSUNG IA TELAH MEMBAWA KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI.

14. ANTARA FAEDAH YANG DIPEROLEHI ADALAH :-

- i. KERAJAAN DAPAT MELAKSANAKAN PROJEK LEBUHRAYA DENGAN LEBIH EKONOMIK.
- ii. INOVASI PENJIMATAN KOS DAN MASA DALAM TEKNIK PEMBINAAN, PENYENGGARAAN DAN OPERASI LEBUH RAYA.
- iii. PENGGUNA DAPAT MENIKMATI PENINGKATAN MUTU PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI.

- iv. PENINGKATAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN.
- v. PENINGKATAN BERBAGAI KEMAHIRAN DI DALAM INDUSTRI LEBUHRAYA.

HADIRIN SEKALIAN,

15. ANTARA AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIKENAL PASTI DALAM BIDANG UMUM KERJASAMA INI ADALAH MELALUI PROGRAM PELAKSANAAN KERJA-KERJA RUNDINGAN, PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, KOMERSIL DAN JUGA MENJALANKAN LATIHAN DAN TIDAK TERHAD KEPADA PERKARA TERSEBUT MENGIKUT HASIL PERBINCANGAN DAN PERSETUJUAN SECARA BERSAMA OLEH KEDUA-DUA PIHAK.

16. SELAIN DARIPADA ITU, BEBERAPA KAJIAN DAN PEMBANGUNAN LEBUHRAYA YANG BERIMPAK TINGGI DAN BERPOTENSI BOLEH DILAKSANAKAN SECARA KOLABORASI SEPERTI KAJIAN DAN AKTIVITI YANG MELIBATKAN :-

- i. INISIATIF MENINGKATKAN KESELAMATAN TRAFIK.
- ii. TEKNOLOGI RAWATAN TANAH LEMBUT.

HADIRIN SEKALIAN,

17. LLM AMAT BERHARAP DENGAN ADANYA HUBUNGAN DUA HALA SEPERTI INI, KAJIAN DAN PELABURAN YANG DILAKSANAKAN DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA DAPAT MENCAPAI MATLAMAT SEBENAR DAN MENJURUS KEPADA KEPENTINGAN SERTA KEMAJUAN INDUSTRI LEBUH RAYA BERTOL DI MALAYSIA. HASIL KAJIAN YANG DIPEROLEHI JUGA DIHARAPKAN AKAN DAPAT DISAMPAIKAN SECARA BERKESAN KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA.

18. PIHAK UTHM JUGA DIHARAPKAN DAPAT BERSAMA-SAMA MENYUMBANG KEPAKARAN KEPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN INDUSTRI LEBUHRAYA BERTOL DI MALAYSIA TIDAK KIRA DALAM BENTUK R&D ATAU KERJASAMA AKTIVITI MEMPROMOSI DAN EDUKASI TERUTAMA DALAM BIDANG KESELAMATAN JALAN RAYA.

19. AKHIR KATA, DI KESEMPATAN INI SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA

SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MAJLIS INI DAN SEMOGA KERJASAMA ERAT INI AKAN SENTIASA BERTERUSAN.

20. SAYA BERHARAP AGAR LEBIH BANYAK PERSEFAHAMAN SEUMPAMA INI DIWUJUDKAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN AGAR SEIRING DENGAN WAWASAN KE ARAH NEGARA MAJU. MELALUINYA JUGA AKAN MENCAMBAHKAN LEBIH BANYAK HASIL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D), KHUSUSNYA DALAM PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA.

SEKIAN TERIMA KASIH.